



YPDR. 10/4/5/1 Jld.2 (76)

2hb. November 2020

KENYATAAN MEDIA

OLEH
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

PENYATA JAWATANKUASA DEWAN MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT


Sukacita dimaklumkan bahawa berdasarkan **Peraturan Mesyuarat 79(2)** di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya selaku **Yang di-Pertua Dewan Rakyat**, telah mengemukakan **Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat** ke dalam Majlis Dewan pada hari ini dengan cadangan mewujudkan **sembilan (9) Jawatankuasa Pilihan Khas yang baharu** seperti berikut:

- i. **Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-hak di bawah Perlembagaan**
(Special Select Committee on Fundamental Liberty and Constitutional Rights);
- ii. **Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi**
(Special Select Committee on Finance and Economy);
- iii. **Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan**
(Special Select Committee on Security);
- iv. **Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Agensi-Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri**
(Special Select Committee on Agencies under the Prime Minister's Department);
- v. **Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian dan Perdagangan Dalam Negeri**
(Special Select Committee on Agriculture and Domestic Trade);
- vi. **Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Infrastruktur**
(Special Select Committee on Infrastructure Development);
- vii. **Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan**
(Special Select Committee on Education);
- viii. **Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita & Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial**
(Special Select Committee on Women & Children Affairs and Social Development); dan
- ix. **Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi**
(Special Select Committee on Health, Science and Innovation).

...2/-

2. Cadangan penubuhan **Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas yang baharu** dengan pendekatan rentas parti adalah bukti komitmen Parlimen Malaysia untuk memperkasakan fungsi institusi perundangan negara yang lebih telus, diyakini dan unggul sesuai dengan kehendak semasa.
3. Untuk tujuan penyelarasan pula, satu **Sekretariat** khusus akan mengurus setiakan kesemua Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat tersebut.
4. Dalam pada itu, Majlis Dewan juga mengambil maklum bahawa penubuhan **Kumpulan Parlimen Rentas Parti atau All Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM)** diteruskan dengan mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.



DATUK AZHAR AZIZAN HARUN
Yang di-Pertua Dewan Rakyat